PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping

KHOO KAY KIM Ph.D.
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

Kerajaan Perak diasaskan di Hilir Perak dan sehingga kuasa British mula-mula mewujudkan pentadbiran di Perak, pusat pentadbiran Perak terletak di Hilir Perak. Eksport utama Perak pada zaman dahulu ialah bijih timah. Sepanjang abad ke-18, bijih timah merupakan faktor terpenting mempengaruhi sejarah Perak. Oleh sebab kuasa Belanda ingin membolot perdagangan bijih timah, ia terlibat dalam pergolakan politik di Perak; begitu juga orang Bugis.[1]

Pada awal abad ke-19, faktor Bugis dan Belanda tidak penting lagi dalam politik Perak. Kuasa yang berpengaruh waktu itu ialah British dan Siam.[2] Perak masih terkenal sebagai pengeluar bijih timah. Lombong-lombong utama terletak di Hilir Perak dan Bidor, Batang Padang, Cenderiang, Kampar serta Kinta. Di Hulu Perak pun ada lombong; misalnya di Sayong. Kebanyakan pelombong terdiri daripada orang tempatan yang bekerja sepanjang tahun, biasanya dari pukul 5 pagi hingga 10 pagi dan dari pukul 3 petang hingga 6 petang. Akan tetapi pertanian menjadi tumpuan utama. Hanya setelah menuai barulah mereka menumpukan lebih banyak waktu kepada perlombongan. Seperti juga dalam kerja-kerja pertanian, lelaki dan wanita daripada berbagai-bagai peringkat umur turut serta mengumpulkan bijih timah.[3]

Sejarah negeri-negeri Melayu barat berubah secara radikal pada 50 tahun pertama abad ke-19. Dua sebab yang mengakibatkan perubahan itu. Pertama, saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat mempunyai modal yang perlu dilaburkan kerana keuntungan daripada perdagangan tidak begitu lumayan lagi.[4] Kedua, permintaan untuk bijih timah meningkat di Britain kerana perkembangan industri papan timah. Pengeluaran bijih timah daripada lombong Cornwall tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan industri papan timah. Kebetulannya suasana politik di negeri-negeri Melayu telah berubah sejak tahun 1824. Kuasa Belanda yang cuba membolot perdagangan dari Melaka telah berundur dari pengkalan itu akibat Perjanjian Inggeris-Belanda (1824). Banyak lombong telah dibuka oleh pembesar-

1 Lihat Barbara Watson Andaya, *Perak: The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth Century Malay State* Kuala Lumpur, 1979.
2 Lihat C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67, Indian Presidency to Crown Colony, London, 1972, hlm. 256-259.*
3 James Low, "Observations on Perak, " *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* , Jil. 4 1850. hlm. 497-504.
4 Lihat Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914* , Tucson, 1965, hlm. 31. Lihat juga Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873. Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu* , Petaling Jaya, 1948, hlm. 84.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

pembesar tempatan sejak lewat tahun 1820-an. Kemudian saudagar-saudagar Selat juga terlibat dalam perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu bermula di Kelang, Sungai Ujong dan Lukut.[5]

Sebagaimana yang diketahui umum, Long Jaafar membuka lombong di Larut. Menurut catatan-catatan yang sedia ada, bijih timah dieksport dari Larut, buat kali pertama, pada tahun 1844. Long Jaafar dipercayai berasal dari keluarga berketurunan Acheh. Datuknya, Pandak Jamaluddin, merupakan ahli keluarganya yang pertama dilantik sebagai Orang Besar Enam Belas Perak dengan gelaran Dato' Paduka Setia. Bapa saudaranya, Alang Allauddin, dilantik sebagai Dato' Panglima Bukit Gantang. Long Jaafar berkahwin dengan sepupunya, Ngah Pura, anak Alang Allauddin.[6]

Kehidupannya agak sederhana sehingga beliau menetap di Larut pada awal tahun 1840-an. Larut, pada waktu itu, masih merupakan kawasan hutan belantara. Keadaan berubah bila Long Jaafar menjumpai bijih timah lalu dikerjakannya sendiri buat sementara waktu sehingga dapat mengumpulkan modal yang cukup untuk menjemput orang Cina dari Pulau Pinang datang ke Larut. Apabila pelombong-pelombong Cina bertambah ramai, beliau dapat memungut hasil daripada candu dan punca-punca yang lain. Beliau sering berulang-alik di antara Larut dengan Pulau Pinang dan menjadi seorang ahli perniagaan yang aktif.[7]

Pelombong yang mula-mula datang ke Larut ialah golongan Hakka (namanya Chen Sang). Mereka membuka lombong di kawasan Klian Pauh dan juga Asam Kumbang. Tidak beberapa lama kemudian, satu lagi golongan Hakka, dipanggil Fui Chew, tiba di kawasan baru, iaitu Klian Bahru (kini Kamunting) apabila timah dijumpai. Sungguhpun kebanyakan pelombong Fui Chew mempunyai lombong di Klian Bahru, terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang melombong di Tupai.

Sepanjang tahun 1850-an, pelombong Cina di Larut semakin bertambah ramai. Menjelang tahun 1861, terdapat kira-kira sebelas buah lombong di Klian Bahru yang dimiliki oleh golongan Fui Chew. Hampir semua lombong dikerjakan dengan modal saudagar-saudagar Pulau Pinang. Pada awal tahun 1860-an terdapat lebih kurang 100 buah rumah kedai di Klian Pauh, kebanyakannya (hampir 80 peratus) didiami oleh Hakka Chen Sang dan hanya lebih kurang 10 peratus oleh Hakka Fui Chew.

Ada juga golongan Hokkien, Hakka Kah Ving Chew dan Hai Lam di Klian Pauh. Jumlah penduduk Cina di Klian Pauh tidak kurang daripada 4,000 orang; lebih kurang 3,000 orang daripada mereka terdiri daripada pekerja lombong dan pekebun. Berhampiran dengan kawasan Klian Pauh terdapat kira-kira 20 lagi lombong milik Hakka Chen Sang, dan hanya tiga lombong kepunyaan Hakka Fui Chew. Di Klian Bahru terdapat 40 hingga 50 buah kedai, kesemuanya kepunyaan golongan Fui Chew. Kampung itu mempunyai penduduk seramai 2 200 orang dan daripada jumlah ini lebih kurang 2 000 orang melombong, menanam sayur dan

5 Khoo Kay Kim, *op. cit.*, Bab II & III.

6 Lihat Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman (ed.), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* , Johor, 1956, hlm. 75-76.

7 Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hlm. 73.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

melakukan kerja-kerja lain. Di kawasan berhampiran pula terdapat lebih kurang 20 buah lombong, kebanyakannya milik orang Fui Chew.[8]

Perkembangan pesat di Larut menyebabkan penyusunan semula sistem pentadbiran. Secara tradisi, Larut terletak di bawah bidang kuasa Panglima Bukit Gantang. Apabila Larut bertambah dengan banyaknya, Long Jaafar memutuskan bahawa dia patut memajak kawasan itu daripada Panglima Bukit Gantang (Alang Allauddin). Selanjutnya, dengan surat kuasa yang bertarikh 6 November 1850 daripada Sultan Shahabuddin (1831-1851) Larut telah diletakkan di bawah pentadbiran Long Jaafar. Semasa Sultan Abdullah Muhammad Shah (1851-1857) memerintah Perak, perselisihan telah berlaku. Baginda dicabar oleh Raja Muda Jaafar ibni Raja Ahmad. Daripada Raja Muda Jaafar, Long Jaafar memperoleh surat kuasa (bertarikh 8 November 1856) mengesahkan kedudukannya sebagai pembesar Larut.[9]

Long Jaafar telah meninggal dunia pada tahun 1857. Kebetulan pula Raja Jaafar menggantikan Sultan Abdullah pada tahun yang sama. Pada 24 Mei 1858, Sultan Jaafar memberi surat kuasa yang mengiktiraf Ngah Ibrahim, anak Long Jaafar, sebagai pentadbir Larut. Pada 23 Oktober 1863, Ngah Ibrahim dianugerahkan gelaran Orang Kaya Menteri Perak. Pada masa pentadbirannya, berlaku kekacauan di Larut. Pada tahun 1861, dan sekali lagi pada tahun 1865, pergaduhan berlaku di antara golongan Chen Sang dengan golongan Fui Chew. Akibatnya, golongan Fui Chew meninggalkan Larut untuk selama-lamanya. Segala harta dan bijih timah kepunyaan golongan Fui Chew telah dirampas. Pada tahun-tahun yang berikutnya suatu suku lain telah menetap di Klian Bahru. Mereka dikenali sebagai San Neng, suatu golongan Cina yang berasal dari wilayah Kwangtung. Akan tetapi, mereka yang datang ke Larut sudah lama bermastautin di Pulau Pinang. Pada awal 1870-an, bilangan mereka hanya dalam lingkungan 2 000, suatu jumlah yang kecil berbanding dengan golongan Chen Sang yang tidak kurang daripada 10 000 orang.[10]

Ternyata orang Cina di Larut mempunyai hubungan yang erat dengan orang Cina di Pulau Pinang bukan hanya kerana mereka datang ke Larut dari Pulau Pinang malah, modal yang diperlukan untuk mengerjakan lombong dikeluarkan oleh saudagar-saudagar di Pulau Pinang. Hasil lombong pula dihantar secara langsung ke Pulau Pinang dan dari Pulau Pinang di hantar ke Singapura untuk dieksport ke negara-negara luar.

Di Larut, bukan hanya terdapat pembahagian kawasan tempat kediaman di kalangan orang Cina yang terdiri daripada berbagai-bagai suku, malah petempatan orang Cina terpisah daripada petempatan orang Melayu. Pentadbiran yang dijalankan oleh Long Jaafar dan Ngah Ibrahim bercorak tidak langsung, walaupun jawatan seperti hakim dan *jemadar* (polis) diwujudkan selewat-lewatnya pada tahun 1850-an. Di kalangan orang Cina yang ramai, dilantik ketua bagi setiap suku. Ketua Chen Sang yang terkenal ialah Chung Keng Kwei (atau Ah Quee) dan ketua golongan San Neng

8 *Ibid.*, hlm. 184.
9 *Ibid.*, hlm. 189.
10 Tentang kekacauan di Larut, Lihat *ibid.*, hlm. 13a-154, 181-195.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

ialah Chin Ah Yam. Hubungan di antara keluarga Long Jaafar dengan pemimpin Chen Sang sangat erat kerana golongan ini yang lebih awal datang ke Larut.

Walaupun keadaan di Larut tidak selalunya stabil, saudagar-saudagar dari Pulau Pinang memberi perhatian yang lebih kepada Larut dan mereka mengambil kesempatan untuk memajukan perdagangan dengan Larut. Tidak hairanlah, apabila sekali lagi berlaku peperangan orang Cina pada awal tahun 1870-an, beberapa golongan Cina dan kongsi gelap terlibat. Dalam rayuan yang dibuat oleh seorang Teochew di Krian (1 Ogos 1873) kepada pihak British di Pulau Pinang, dinyatakan bahawa Toa Peh Kong (kongsi gelap orang Cina peranakan di Pulau Pinang) menggunakan bendera merah dengan tepian hitam dan Ho Seng (juga kongsi gelap Pulau Pinang, terdiri daripada orang Hokkien dan juga orang bukan-Cina) menggunakan bendera hitam dengan tepian putih. Orang San Neng (kebanyakannya dalam kongsi gelap Ho Hup Seah) mengibarkan bendera hitam dengan tepian merah pada hal bendera Ghee Hin berwarna merah dengan tepian putih.[11]

Pada masa kekacauan 1879-an di Larut, orang India mula tiba. Apabila Ngah Ibrahim menghadapi masalah mengawal orang Cina, beliau telah mengupah Kapt, T.C. Speedy, bekas pegawai polis Negeri-negeri Selat yang telah meletakkan jawatan, untuk menghalau orang Cina dari Larut dan Speedy diminta membawa orang India untuk berkhidmat di Larut. Pada tahun 1873, Kapt. Speedy mula berkhidmat dengan Ngah Ibrahim. Dengan usaha Kapt. Speedy, orang Punjabi dan Pathan telah direkrut dan sesudah Persetiaan Pangkor ditandatangani pada bulan Januari, 1874, Speedy dilantik pula sebagai Penolong Residen dan diberi tugas menubuhkan pasukan polis.[12]

Kawasan Larut berkembang dengan lebih pesat selepas Persetiaan Pangkor, bukan sebagai akibat secara langsungnya. Apabila J.W.W. Birch tiba, pada penghujung tahun 1874, untuk memulakan perkhidmatannya sebagai Residen Perak, tempat yang dipilihnya sebagai pusat pentadbiran Perak ialah Bandar Bahru yang terletak di Hilir Perak. Birch memilih Bandar Bahru kerana pada pandangannya Hilir Perak merupakan kawasan terpenting yang menjadi 'pintu' keluar-masuk negeri Perak. Kapal-kapal biasanya singgah di Kuala Bidor. Birch terbunuh pada bulan November, 1875.

Peristiwa itu memaksa pihak British mengkaji dengan lebih teliti dasar pentadbirannya terhadap negeri-negari Melayu. Sebagai reaksi serta-merta, pihak British mengambil langkah untuk mengalihkan pusat pentadbiran dari Hilir Perak ke kawasan yang bukan terletak di pusat kerajaan Melayu. Pada tahun 1876, jabatan-jabatan pentadbiran ditetapkan di sebuah bandar baru yang diberi nama *Taiping* yang terletak tidak jauh dari Klian Pauh. Selama beberapa tahun, Residen Perak, Hugh Low, memilih Kuala Kangsar sebagai tempat kediamannya (atau Residensi).[13]

---

1 *Ibid.*, hlm. 187-188.

2 Tentang Speedy, lihat J.M. Gullick, "Captain Speedy of Larut," *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch*, Jill. 26, Bhg. 3, 1953.

3 Nama ini diberi oleh Kapt. T. Speedy yang menjadi Penolong Residen (sejak J.W.W. Birch). Tapak bandar baru ini sebenarnya tidak bertindih dengan Klian Pauh, Hugh Low mula berkhidmat pada tahun 1877. Beliau bersara pada tahun 1889. Selanjutnya, sehingga masa Perang Dunia II, semua Residen British di Perak tinggal di Taiping.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

Perpindahan ke Taiping sebenarnya sesuai dengan dasar British yang mula dirancangkan dengan lebih teliti mulai tahun 1880 apabila Sir Frederick A. Weld dilantik sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat. Weld meyakinkan Pejabat Kolonial bahawa kuasa British semestinya mengadakan dasar yang lebih jelas terhadap negeri-negeri Melayu. Di samping itu, beliau membayangkan pembangunan yang lebih tertumpu kepada pertanian daripada perlombongan. Akibatnya, mulai tahun 1880-an, pihak British menggalakkan pertanian dan pembangunan di kawasan pedalaman. Kuala Lumpur telah pun dijadikan ibu kota menggantikan Kelang dan, di Negeri Sembilan, Seremban diberi perhatian yang lebih penting sehingga pada tahun 1895, Residensi dipindahkan dari Kuala Pilah ke Seremban.[14]

Memang benar, pada tahun 1880-an, Taiping masih dianggap sebagai bandar yang memberi perkhidmatan kepada perusahaan bijih timah. Bilangan penduduknya sudah melebihi 6,000 orang, sebilangan besarnya orang Cina. Menurut Isabella Bird, seorang pengembara Inggeris, yang berada di Taiping pada lewat tahun 1870-an:

> *They are miners, except those who keep the innumerable ships which supply the miners, and some of them are rich. Taiping is tolerably empty during the day, but at dusk, when the miners return the streets and gambling dens are crowded, and the usual babel of Chinese tongues begin.*[15]

Penduduk India masih belum begitu ramai. Di kalangan mereka selain polis dan sepoi, ada yang berkedai dan memberi pinjaman wang (cettiar); ada juga menjadi pemandu kereta kuda dan kereta lembu serta dobi.[16]

Taiping juga menjadi tumpuan kaum Ceylon Tamil yang mula tiba, apabila keretapi Taiping-Port Weld dirancangkan pada awal tahun 1880-an. Mereka memainkan peranan besar membina landasan keretapi sejauh lapan batu itu. Kedatangan mereka, adalah atas permintaan pihak pentadbiran British. Pekerja-pekerja yang berpengalaman, seramai 200 orang, dikenali sebagai the *Ceylon Pioneer Corp*; rombongan itu termasuk Ceylon Tamil yang datang untuk berkhidmat sebagai kerani, pengukur, *tindal* (atau Ketua buruh) dan *dresser* (sama seperti pembantu hospital sekarang).[17]

Taiping, pada waktu itu, bukan hanya ibu kota negeri Perak tetapi bandar yang terpenting di negeri-negeri Melayu. Sebelum Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan, pada tahun 1896, Taiping, secara tidak rasmi dianggap pusat pentadbiran British di Semenanjung. Residen British di Perak adalah pegawai terkanan. Pegawai-pegawai yang lebih tinggi berada di Negeri-negeri Selat. Isabella Bird memberi gambaran tentang pusat pentadbiran ini:

---

14 Lihat E. Sadka, *The Protected Malay States* , Kuala Lumpur, 1968, hlm. 197-198.

15 *The Golden Chersonese* , London, 1883, hlm. 282.

16 *Ibid.*

17 S. Durai Raja Singam, *A Hundred Years of Ceylonese in Malaya and Singapore* , Petaling Jaya, 1967, hlm. 38.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

> *...we drove along an excellent road towards the mountains, over whose cool summits cloud mists now and then drifted; and near noon entered this important... town, with a street about a mile long, with large bazaars and shops making a fine appearance, ...; halls of meeting for the different tribes, gambling house, workshops, the Treasury, a substantial dark wood building; large detached barracks for the Sikh police, a hospital, a powder magazine, a parade ground, a Government storehouse, a large, new jail, neat bungalows for the English officials, and on the top of a steep, isolated terraced hill, the British Residency.*[18]

Tidak ramai orang Melayu yang tinggal di tengah-tengah bandar Taiping. Sebilangan besar penduduk Melayu berada di kampung-kampung yang berhampiran seperti Matang dan Bukit Gantang. Isabella juga melawat kampung-kampung di sekitar Larut, termasuk Kuala Kangsar. Dia menyatakan bahawa pada masa itu:

> *The Malays, if they can, build their kampongs near rivers.... Every village consists... of houses... grouped, but not by any means closely, under the shade of coco-palms, jak, durian, bread-fruit, mango, nutmeg, and other fruit-trees. Plantations of bananas are never far off. Many of these people have "dug outs" or other boats on the adjacent river, some have bathing-sheds, and others padi plantations. These kampongs have much of the poetry ... of tropical life about them. They are beautiful and appropriate, and food is above them and around them.*[19]

Taiping mula kehilangan kepentingannya menjelang abad ke-20. Pengeluaran bijih timahnya telah merosot sejak lewat tahun 1880-an. Di samping itu terjumpa bijih timah dengan banyaknya di kawasan Kinta. Pekerja lombong berhijrah ke Ipoh. Pada awal abad ke-20, di Larut, terdapat sebuah sahaja syarikat lombong yang agak terkemuka, iaitu Kamunting Mine kepunyaan Ng Boo Bee, seorang Hokkien yang telah datang ke Tanah Melayu lebih kurang pada tahun 1880. Semasa beliau menjadi kontraktor keretapi di Taiping, beliau telah memperoleh tanah untuk mengerjakan bijih timah.

Walaupun Taiping telah diatasi oleh Ipoh sebagai pusat perlombongan pada awal abad ke-20, kedudukannya dapat diselamatkan oleh perkembangan perusahaan getah. Di sekitar Taiping telah dibuka beberapa ladang getah. Misalnya *Jabong Estate* terletak lebih kurang enam batu dari Taiping dan berhampiran dengan stesen keretapi Simpang. Pejabat berdaftarnya di Colombo, Ceylon. Tidak jauh dari ladang ini dan berdekatan dengan Matang, ialah *Matang Jamboe Estate* yang telah dibuka pada tahun 1898. Dua belas batu dari Taiping dan lima batu dari stesen keretapi Simpang ialah *Selinsing Estate* yang juga mempunyai pejabat berdaftarnya di Colombo.[20] Pembukaan estet getah jelas memberi kesan kepada kependudukan Taiping. Di antara tahun 1901-1911, bilangan

18 *The Golden Chersonese*, hlm. 280.

19 *Ibid.* hlm. 312.

20 Arnold Wright (ed.), *Twentieth Impression Century Impressions of British Malaya* . London, 1908. Lihat bab berjodol "Rubber", *passim.*

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

penduduk Taiping telah bertambah dari 13 331 orang kepada 19 556 orang. Kadar tambahan kurang sedikit daripada 50%. Peratus tambahan ini lebih kurang sama berbanding dengan bandar-bandar lain seperti Seremban, Kelang dan Teluk Anson.[21] Pada tahun 1921, bilangan kaum India di Taiping berjumlah lebih kurang 6 000 orang berbanding dengan 12 000 orang Cina.[22]

Masyarakat majmuk di Taiping memperlihatkan ciri yang lebih kurang sama seperti masyarakat majmuk di bandar-bandar lain di Tanah Melayu. Di tengah-tengah bandar terdapat sebilangan besar penduduk Cina. Bilangan kaum India juga agak besar kerana ada estet getah di sekeliling bandar. Hanya di Taiping, sebagaimana telah disebutkan, ladang getah bukan tarikan awal yang mengakibatkan kedatangan kaum India. Seperti di bandar-bandar lain, bilangan penduduk Melayu di kawasan bandar tidak ramai: hanya 10 peratus daripada jumlah penduduk bandar Taiping pada tahun 1921.

Maka ciri utama masyarakat majmuk di negara ini ialah wujudnya pola petempatan dengan setiap kaum tertumpu di suatu kawasan yang tertentu. Pembahagian bukan hanya berlaku di antara suatu kaum dengan kaum lain bahkan, sebagaimana telah dinyatakan, di antara berbagai-bagai suku kaum pada zaman orang Cina mula-mula datang ke Larut. Apabila bandar berkembang dan kedudukan penduduk di Taiping lebih tetap maka ditubuhkan berbagai-bagai institusi yang mengukuhkan lagi hubungan sosial di kalangan satu-satu kaum atau suku kaum.[23]

Berbagai-bagai persatuan orang Cina telahpun diasaskan sebelum abad ke-20. Kaum Ceylon Tamil juga telah menubuhkan persatuan mereka. Persatuan Ceylon Tamil adalah yang pertama di Tanah Melayu ditubuhkan menjelang abad ke-20. Pada awal abad ke-20, orang Punjabi di Taiping pula mengasaskan persatuan mereka yang diberi nama *Khalsa Diwan Malaya*. Persatuan ini bukan sahaja untuk kaum Sikh di Taiping malah keanggotaannya terbuka kepada semua kaum Sikh di Tanah Melayu. Selanjutnya, orang India pula yang menubuhkan persatuan di Taiping, pada tahun 1906. Ini juga merupakan persatuan India yang pertama di negeri-negeri Melayu.

Kaum Eropahlah yang mempunyai persatuan-persatuan yang paling tinggi martabatnya. Mereka mempunyai beberapa persatuan yang keanggotaannya tidak terbuka kepada kaum bukan-Eropah seperti *Perak Club* (ditubuhkan pada tahun 1880), *New Club* (ditubuhkan pada tahun 1894), *Perak Golf Club* (ditubuhkan pada tahun 1894 juga) dan *Taiping Swimming Club* (ditubuhkan pada tahun 1914). *New Club* sebenarnya ditubuhkan kerana ada ahli-ahli *Perak Club* yang tidak berpuas hati dengan penerimaan Serani dan pegawai-pegawai tentera (Eropah) sebagai ahlinya. Sebilangan besar ahli *New Club* terdiri daripada pegawai pentadbir.

Sekolah-sekolah daripada berbagai-bagai aliran menguatkan lagi sifat majmuk masyarakat Taiping. Seperti bandar-bandar lain di Tanah Melayu, apabila

21 J.E. Nathan, *the Census of British Malaya* , London, 1922, hlm. 39.

22 *Ibid.*, hlm. 171.

23 Beberapa aspek masyarakat Taiping yang dibincangkan di sini dibincangkan dalam monograf saya, *Taiping Ibukota Perak* , Kuala Lumpur, 1981, *passim* .

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

penduduk satu-satu kaum bertambah ramai, maka didirikan sekolah. Hanya sekolah Inggeri seperti Central School kemudian King Edward VII School. Teacher's Girls' School, Convent dan St. Georger's Institution merupakan sekolah yang murid-muridnya terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Akan tetapi, sebelum Perang Dunia Kedua, tidak banyak murid Melayu yang belajar di sekolah-sekolah yang diuruskan oleh mubaligh Katolik.

Walaupun bilangan orang Melayu tidak ramai di Taiping, kawasan Larut boleh dianggap sebagai sebuah pusat intelektual orang Melayu, kerana pada tahun 1898, telah ditubuhkan sebuah maktab perguruan di Taiping untuk melatih guru-guru sekolah Melayu. Akan tetapi maktab itu berjalan hanya selama dua tahun dan dalam masa yang sama telah melatih 10 orang guru. Pada tahun 1900, maktab itu telah ditutup kerana telah didirikan Maktab Melayu Melaka. Pada bulan Oktober 1913, diwujudkan kembali sebuah maktab perguruan di Larut, kali ini di Matang, bertempat di bangunan yang pernah menjadi kediaman Ngah Ibrahim, sebelum beliau dibuang ke Pulau Seychelles selepas pembunuhan Birch. Antara guru yang pernah berkhidmat di maktab itu termasuk Muhammad bin Dato Muda Linggi, bapa saudara Za'ba.

Seorang tokoh yang pernah berkhidmat sebanyak dua kali sebagai pemangku pengetua maktab itu ialah Abdul Majid bin Haji Zainuddin, seorang penulis yang agak terkenal. Beliau merupakan pengarang sebuah buku yang berjodol *The Malays of Malaya, By One of the Them* (Singapura, 1928), dan beliau juga telah merakamkan pengalamannya di Matang dalam autobiografinya *The Wandering Thoughts Of A Dying Man* .[24] Pada masa Abdul Majid berada di Matang, beliau juga rapat dengan Za'ba yang pada awal tahun 1920-an mengajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Mereka berdua, bersama-sama dengan Mohd. Zin bin Haji Ayub (seorang pendidik yang terkenal), sangat berminat tentang gerakan Pan-Islam.

Pada waktu itulah Khwaja Kamaluddin, Imam Masjid Woking di England, melawat negara ini. Pada penghujung Mac 1921, beliau tiba di Taiping dan disambut oleh Abdul Majid Haji Zainuddin, Dr. Mohd. Ghows, Syed Abu al-Hasan, Nawabuddin dan Amir Bad Shah. Khwaja Kamaluddin telah memberi syarahan mengenai "Keluasan Pengajaran dan Amalan dalam Islam" di Dewan Bandaran, Taiping. Pada 31 Mac 1921, Khwaja Kamaluddin bersama-sama Abdul Majid, Dr. Ghows dan Nawabuddin telah pergi ke rumah Za'ba di Kuala Kangsar. Khwaja Kamaluddin tinggal di Taiping sehingga 2 April.

Kegiatan Abdul Majid Zainuddin dengan rakan-rakannya itu, didapati tiada kaitan langsung dengan kaum Cina dan India (yang beragama Hindu). Begitu juga kegiatan politik orang bukan Melayu tiada hubungan dengan orang Melayu. Misalnya, *Perak Pioneer* , akhbar Taiping, pada 3 November 1911, telah melaporkan bahawa ramai orang Cina telah berkumpul di stesyen keretapi Taiping untuk mengucapkan selamat jalan kepada beberapa orang sahabat mereka yang akan bertolak ke Negeri China untuk menyertai revolusi menentang Mancu. Kemudian, apabila berita diterima bahawa kerajaan Mancu telah dapat digulingkan, ahli-ahli

24 Diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978. Lihat hlm. 133-134, 137.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

Taiping Reform Club (sebuah persatuan Cina yang memperjuangkan pemulihan) telah mengadakan perayaan dengan *taucang* (simbol kerajaan Mancu) mereka di potong.

Selanjutnya, menjelang Perang Dunia I berlaku pula kegelisahan di kalangan sepoi, *The Malay States Guides* (ditubuhkan sempena pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Askar-askar ini terdiri daripada orang Punjabi dan Pathan. Apabila berlaku pergolakan di Eropah, orang Turki berpihak kepada negeri Jerman. Musuh Turki termasuklah Britain. Sepoi yang beragama Islam dalam *The Malay States Guides* hampir memberontak kerana bersimpati dengan Turki. Akan tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana tidak disokong oleh sepoi yang beragama Hindu. Tambahan pula, sebahagian besar penduduk Taiping sama sekali tidak mengambil berat tentang isu Turki dalam politik Eropah.

Demografi penduduk Taiping tidak banyak berubah lagi selepas Perang Dunia I, khususnya kerana Taiping tidak begitu berkembang, tidak seperti Ipoh yang sudah mula mendesak supaya pusat pentadbiran Perak dipindah dari Taiping ke sana. Kegiatan-kegiatan penduduk Taiping sehingga Perang Dunia II meletus tetap memperlihat kemajmukan selaras dengan sifat masyarakatnya. Kehidupan sosial dan politik, bahkan ekonomi juga, berlaku di dalam, dan jarang sekali berlaku di antara kaum. Hanya di peringkat atas terdapat sedikit sebanyak pergaulan dan kerjasama. Pemimpin-pemimpin setiap kaum sering kali dikehendaki memainkan peranan membantu pentadbiran British mengerah tenaga orang kebanyakan kerana sesuatu sebab.

Dalam masyarakat majmuk sebagaimana yang wujud di Taiping, pemimpin-pemimpin mewakili kaumnya sendiri sama ada dalam badan seperti *sanitary board* (penguasa tempatan) atau dalam urusan yang membabitkan hubungan antara pemerintah dengan orang ramai. Hanya sekali-sekala terdapat pemimpin seperti Raja Said Tauphy ibni Sultan Abdullah - orang tempatan yang pertama dilantik sebagai Pengerusi *Sanitary Board* (di Larut dan Matang pada tahun 1924) - yang berfungsi dalam keperihalan yang lebih luas. Begitu juga, mereka yang memegang jawatan-jawatan penting dalam sistem pentadbiran seperti A.D.O. serta Majistret. Salah seorang pegawai terkenal yang pernah berkhidmat di Taiping sebagai Majistret (pada tahun 1930-an) ialah Raja Salim bin Raja Mohd. Yusof, seorang keturunan Sultan Hussein, Yang Dipertuan Selat dan adik, ipar Raja Said Tauphy. Pemimpin-pemimping yang mewakili berbagai-bagai kaum pada tahun 1920-an dan 1930-an termasuk Syed Abu Hassan Burhan, J.P., seorang pedagang, Toh Eng Hoe, J.P., juga seorang pedagang, Dr. Saw Ah Choy, J.P., seorang doktor yang mendapat pengiktirafan melalui pendaftaran, Dr. I. Mohd. Ghows ayah kepada ahli-ahli sukan yang terkenal seperti Rashid Ghows dan Hanif Ghows (orang pertama di negara ini berlari 100 ela dalam masa 10 saat) dan N. Eliathamby, J.P., seorang saudagar berasal dari Jaffna, Ceylon.

Perkembangan masyarakat majmuk di Taiping bukan fenomena yang unik dalam sejarah negeri-negeri Melayu. Perkembangan yang hampir sama berlaku serentak di Kuala Lumpur. Hanya dari segi perinciannya terdapat perbezaan. Kedua-duanya merupakan kawasan pedalaman yang telah berkembang kerana perlombongan bijih timah. Pekerja-pekerja dibawa dari luar, khususnya dari pelabuhan Negeri-negeri Selat yang terdekat. Buruh-buruh Cina datang ke Kuala Lumpur

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

melalui Melaka. Kekacauan berlaku di kalangan orang Cina di kedua-dua tempat itu. Apabila pentadbiran British diwujudkan, bukan Taiping, di Perak, atau Kuala Lumpur, di Selangor, yang pada awalnya, dipilih sebagai ibukota.

Masyarakat majmuk di Taiping dan Kuala Lumpur bukan dibentuk oleh pihak British. Sehingga 1870-an bukan modal British yang secara langsung terlibat dalam perlombongan. Bukan pentadbiran British juga yang merancang penghijrahan masuk buruh-buruh lombong pada pertengahan abad ke-19. Akan tetapi British menstabilkan keadaan politik pada tahun 1870-an dan justeru itu membolehkan pertumbuhan berlaku dengan lebih pesat dan berterusan. Walau bagaimanapun kebanyakan orang India datang apabila pentadbiran British telah bertapak di Tanah Melayu. Mulai tahun 1880-an British memainkan peranan besar dalam merancang ekonomi negeri Melayu; ini memberi kesan kepada proses urbanisasi dan perkembangan masyarakat majmuk.

British juga mengubah sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu dengan menampilkan Residen. Penguasa tempatan dikenali sebagai *sanitary board* yang telah dibentuk menjelang abad ke-20 di Kuala Lumpur, Larut dan Matang. Akan tetapi British tidak merancang pola masyarakat majmuk. Keadaan masyarakat majmuk timbul kerana tiap-tiap kaum yang menetap di sini lebih senang hidup bersama-sama orang yang berasal dari tempat yang sama Ramai juga yang membawa sanak saudara mereka ke tempat-tempat di negeri ini di mana mereka telah bermastautin. Di sini mereka secara spontan telah membina "Little China" atau "Little India" dan "Little Jaffna". Di Taiping ketiga-tiganya wujud; jaraknya tidak jauh di antara satu dengan lain dan sempadannya agak kabur. Orang Cina tertumpu di tengah bandar, orang Ceylon Tamil di kawasan Asam Kumbang kerana keretapi berada di kawasan itu; dan ramai orang India tinggal di kawasan Jalan Tangsi dan Jalan Kota. Keadaan yang sama wujud di Kuala Lumpur dengan pola petempatan satu-satu kaum lebih mudah dikenal pasti.

Telah disebutkan sejarah pertumbuhan masyarakat majmuk di negeri-negeri Melayu bermula sebelum campur tangan British. Selain di negeri-negeri perlombongan bijih timah, proses itu juga berlaku di Johor. Struktur masyarakat yang wujud adalah lebih kurang sama. Sebelum wujud pentadbiran British, jentera pentadbiran yang berkuat kuasa adalah bercorak Melayu tradisional. Sistem *Kangcu* di Johor, pada dasarnya, tidak berbeza dengan sistem yang diamalkan di negeri-negeri bijih timah dengan ketua bagi setiap kaum pendatang dilantik dan bertanggungjawab ke atas anak buah masing-masing; hanya gelarannya tidak sama. Di Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan, ketua orang Cina diberi gelaran 'Kapitan Cina' dan orang Melayu yang bukan anak tempatan, di Perak dan Selangor, dipanggil 'Tok Dagang'. Akan tetapi, fungsi semua ketua itu adalah sama.

British tidak menghalang intergrasi kaum malah mengambil sikap yang pragmatis. Mereka mengekalkan keadaan yang boleh dikatakan semula jadi. Mereka lebih mengutamakan pembangunan ekonomi dan rancangan-rancangan sosial yang diperkenalkan bagi tujuan setakat memajukan infrastruktur untuk memesatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi. Mereka enggan mengusik kehidupan sosial berbagai-bagai kaum kerana bimbang kemungkinan kestabilan masyarakat tempatan akan terjejas.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

فرساتوان سجارہ ملیسیا
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

Taiping merupakan suatu contoh masyarakat yang telah berkembang secara kebetulan sahaja. Walaupun dari segi ekonomi, penduduk-penduduknya yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum, sedikit sebanyak memenuhi keperluan di antara satu sama lain, dari segi sosial mereka hidup berpisah-pisah, seperti kata J.S. Furnivall (yang mencipta istilah masyarakat 'majmuk'): "They mix but do not combine."

فرساتوان سجارہ ملیسیا
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY